

Headline	Kerajaan negeri cari jalan pikat peniaga tempatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	78	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	395 cm ²
Journalist	Oleh Azzman Abdul Jamal	AdValue	RM 13,130
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,390



Warga asing dominasi Nilai 2, 3

Kerajaan negeri cari jalan pikat peniaga tempatan

Perbincangan dengan Majlis Perbandaran Nilai atasi isu monopoli peniaga asing

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

Seremban: Kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan dengan Majlis Perbandaran Nilai (MPN) untuk menangani isu warga asing mendominasi kawasan perniagaan, khususnya di Nilai 2 dan Nilai 3.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata pihaknya sudah merangka beberapa cadangan untuk diteliti agensi kerajaan lain dalam usaha mengembalikan peniaga tempatan ke kawasan itu.

"Antara yang kita sedang pertimbangkan ialah memperkenalkan pasar tani di Nilai untuk menghimpunkan peniaga tempatan mempromosikan produk masing-masing.

"Jika dapat dibuat dengan baik dan teratur, Nilai pasti kembali



Aminuddin beramah mesra dengan penerima insentif dan geran pada Karnival Industri Asas Tani di Senawang, dekat Seremban, semalam. (Foto Hasriyayah Sabudin /BH)

menjadi lokasi tumpuan pengunjung luar seperti sebelum ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Karnival Industri Asas Tani (IAT), di sini, semalam.

BH semalam melaporkan hasrat kerajaan sejak 2001 untuk menjadikan Nilai lokasi perniagaan terutama borong, sekali gus meningkatkan pendapatan usahawan tempatan, tidak berjaya apabila kawasan itu dikuasai peniaga warga asing.

Malah, menjejak kaki di bandar itu terutama di Nilai 2 dan Nilai 3 umpama masuk ke wilayah luar kerana jumlah peniaga asing yang ramai menguasai lot

“Antara yang kita sedang pertimbangkan ialah memperkenalkan pasar tani di Nilai untuk menghimpun peniaga tempatan mempromosi produk masing-masing.”

Aminuddin Harun,
Menteri Besar Negeri Sembilan

kedai di situ.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, sambutan pengunjung semakin berkurangan di Nilai turut menjadi faktor peniaga tempatan 'gulung tikar' dan mencari lokasi lain untuk berniaga.

"Tiada orang tempatan hendak berniaga (di situ) sebab kurang sambutan. Ini juga menyebabkan pendapatan menurun dan peniaga tidak mampu membayar sewa.

"Bagaimanapun, kita sedang berusaha menarik peniaga tempatan berniaga di situ dan mengembalikan semula status Nilai sebagai lokasi perniagaan terukir," katanya.